

Rombakan Kabinet sebelum akhir tahun ini - PM

Oleh MOHD HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: “Saya setuju (rombakan Kabinet), sebelum tahun depan (bulan ini),” kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Surau Putra Al-Amin, Presint 8, di sini, semalam.

Reaksi itu diberikan Anwar ketika disoal seorang kanak-kanak berusia 12 tahun, Akmal Afif Yaseer Arafat di luar pekarangan surau berkenaan.

Sebelum itu, Anwar sempat menyantuni sekumpulan sembilan kanak-kanak di luar surau berkenaan yang menunggu selama 20 minit bagi mendapatkan tandatangan pemimpin utama negara itu.

Sebaik sahaja mendekati kanak-kanak itu, Anwar kemudian meminta Akmal Afif untuk bertanya soalan kepadanya bagi mewakili wartawan yang turut berada di sana.

“Datuk Seri, bila rombakan Kabinet?” Kata Akmal Afif yang juga murid tahun enam, Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (2).

Anwar kemudian menjawab; “Nama siapa? Akmal nak (rom-



AKMAL Afif Yaseer Arafat (kiri) meminta tandatangan Anwar Ibrahim selepas menunaikan Solat Jumaat di Surau Putra Al-Amin Fasa 4C Presint 8 Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

bakan) bila, sebelum atau selepas?”

Kanak-kanak itu kemudian menjawab; “Sebelum 2024,” katanya.

Anwar selepas itu berkata: “Dia (Akmal) jawab sebelum 2024, saya setuju (rombakan Kabinet sebelum 2024). Okey, terima kasih.”

Sebaik sahaja Akmal Aqif selesai bertanyakan soalan itu, Anwar kemudian meninggalkan pekarangan surau tanpa menjawab soalan daripada

mana-mana wartawan yang berada di situ.

Sementara itu, Akmal ketika ditemui berkata, dia sangat seronok kerana dapat bertemu Perdana Menteri, malah, sangat teruja apabila turut serta pada sesi ‘sidang akhbar’ bersama wartawan di luar surau berkenaan, hari ini.

“Saya sangat seronok dan gembira. Ini kali pertama saya jumpa Perdana Menteri secara depan-depan. Sebelum ini saya hanya tengok dalam televisyen

sahaja.

“Saya tak sabar nak cerita pada ibu dan ayah dan kawan-kawan saya mengenai pengalaman manis ini,” katanya yang bercita-cita ingin menjadi seorang peguam.

Katanya, dia juga akan menyimpan elok-elok not wang kertas RM5 dan RM1 yang ditandatangani Perdana Menteri itu.

Jelasnya lagi, dia juga akan mbingkakan not kertas berkenaan untuk disimpan sebagai kenangan.